

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM - Akademi Golf Nasional (UUMNGA)
Sent: Thursday, 15 September, 2016 2:52 PM
To: UUM - All Staff
Subject: AKADEMI GOLF NASIONAL ANJUR MERDEKA NORTHERN GOLF CHALLENGE 2016
SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN NEGARA



Akademi Golf Nasional
NATIONAL GOLF ACADEMY
Universiti Utara Malaysia



15 SEPTEMBER 2016/13 ZULHIJAH 1437H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Assalamu'alaikum wrh.wbt dan Salam Sejahtera.

YBhg. Dato'/Prof/Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan

AKADEMI GOLF NASIONAL ANJUR MERDEKA NORTHERN GOLF CHALLENGE 2016
SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN NEGARA

Oleh: Unit Media UUMNGA



UUM SINTOK 15 Sept: Sempena sambutan Bulan Kebangsaan Negara Tahun 2016, Akademi Golf Nasional Universiti Utara Malaysia (UUMNGA) akan menganjurkan kejohanan Merdeka Northern Golf Challenge 2016 yang akan berlangsung pada 18 September ini.

Kejohanan yang julung-julung kalinya diadakan ini adalah bertujuan untuk meraikan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, serta berperanan sebagai medan promosi untuk menarik pengunjung dari luar bagi merasai sendiri produk dan pakej eco-tourism/edu-tourism yang terdapat di UUM.

Selain itu, penganjuran kejohanan ini juga turut mendapat kerjasama dari pihak Kelab Golf dan Rekreasi UUM (KGRUUM) dan juga Persatuan Golf Mahasiswa yang diketuai oleh Saudara Abdul Muiz Khairilnuar selaku Pengarah Kejohanan (Tournament Director).

“Kejohanan ini adalah yang pertama kali diadakan dan bagi memeriahkan lagi kejohanan kita juga turut membuka penyertaan pada pemain golf amatur dari luar yang menyatakan minat untuk turut serta menyertai kejohanan ini,” kata Pengarah UUMNGA, Prof. Madya Dr. Azman Yasin.

Untuk kejohanan ini, pihak penganjur menganggarkan penyertaan seramai 40 orang pemain yang akan menyertai kejohanan ini yang mana menawarkan pelbagai hadiah menarik kepada pemenang.

Habis.

Daripada:

AKADEMI GOLF NASIONAL
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK
KEDAH
TEL: 04-9283591/3596
FAKS: 04-9283592

